



07 MAY, 2024

PETRA, pemain industri jalin kerjasama galak pemasangan solar

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

PETRA, pemain industri jalin kerjasama galak pemasangan solar

SHAH ALÁM: Kementerian Per-alihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menjalin kerjasama

dengan AEON Group, Bank Sim-panan Nasional (BSN) dan SOLS Energy memperkenalkan pro-

gram Solar BOLEHI, satu inisiatif bagi membolehkan lebih ramai menyertai program pemasangan solar di kediaman.

Timbalan-Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berka-ta, program di bawah Inisiatif Solar Peralihan Tenaga untuk Rakyat (Inisiatif Solar@PETRA) bagi menggalakkan rakyat mendapat manfaat daripada agenda peralihan tenaga negara itu dirangka secara khusus untuk meluaskan capaian pengguna domestik kepada skim pema-sangan solar serta kemudahan pembiayaan yang tersedia di pasaran.

Beliau yang juga Menteri Per-alihan Tenaga dan Transformasi Air berkata menerusi kerjasama awam-swasta itu, langganan pemasangan solar boleh dilaku-kan secara mudah di cawangan AEON di seluruh negara dengan faedah tertentu ditawarkan kepa-da pemegang kad AEON seperti mendapat dua kali ganda mata

ganjaran.

"Kalau dahulu pemasangan solar di kediaman biasanya hanya dilakukan oleh mereka yang berkemampuan kerana kosnya agak tinggi tetapi den-gan program Solar BOLEHI, kita yakin lebih ramai dapat menyahut seruan menyokong agenda per-alihan tenaga.

"Akses lebih luas ini turut diso-kong melalui kemudahan pem-biayaan solar oleh BSN kepada penjawat awam selain SOLS Energy menawarkan kaedah sifar modal kepada pengguna domes-tik, menjadikan pemasangan solar lebih bersifat mampu bayar untuk rakyat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program itu di sini, semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Fadillah berkata Program Solar BOLEHI merupakan tambahan kepada program rebat solar yang diperkenalkan kerajaan awal April lepas, iaitu Skim Insentif Solar Rakyat (SolaRIS) yang sedang

dilaksanakan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Beliau berkata, kementerian itu akan terus melaksanakan semua usaha dan inisiatif yang dikenal pasti ke arah mengurang-kan jejak karbon sektor bekalan elektrik termasuk menjalin ker-jasama lebih erat dengan pihak swasta ke arah melaksanakan agenda peralihan tenaga bagi industri bekalan elektrik negara.

"Selain meneruskan penja-naan tenaga boleh baharu secara komersial dan berskala utiliti, tumpuan meningkatkan kapasiti penjanaan daripada sumber solar, turut diberikan terhadap usaha untuk meluaskan lagi pemasangan sistem solar fotovol-taik (PV) bagi segmen pengguna domestik.

"Ini khususnya dengan memanfaatkan ruang bumbung di premis bangunan dan ked-iaman untuk penjanaaan elektrik daripada sumber solar," katanya. -Bernama



DATUK Seri Fadillah Yusof melawat di sekitar tapak pameran selepas majlis pelancaran Inisiatif Solar@Petra di sebuah pusat membeli-belah, semalam. Turut kelihatan, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Trans-formasi Air (PETRA), Datuk Mad Zaidi Mohd Karli (kiri). • Foto BERNAMA